

13 NOV 1998

Mazlan-Pinjaman/I

TIADA BIASISWA BAGI ADIK-BERADIK PEMINJAM YANG GAGAL BAYAR BALIK

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang menimbangkan untuk tidak memberi pinjaman dan biasiswa kepada adik-beradik peminjam yang gagal membayar balik pinjaman.

Ketua Pengarah JPA Tan Sri Dr Mazlan Ahmad hari ini berkata ini merupakan satu daripada langkah yang sedang dikaji oleh jabatan itu sebagai hukuman kepada pemegang biasiswa dan pinjaman yang tidak membuat bayaran balik selepas menamatkan pengajian mereka.

"Perlu ada hukuman. Tidak memberikan pinjaman kepada adik-beradik mereka adalah satu daripada hukuman yang kita sedang bincangkan, selain mengambil tindakan undang-undang," katanya kepada pemberita selepas menutup program Pembangunan Pengurusan Perdagangan Perindustrian British-Malaysia Ke-12 di sini.

Beliau berkata JPA sedang menyiapkan butiran mengenai perkara itu dan akan mewujudkan pangkalan data sebelum melaksanakan langkah itu.

JPA telah menaja 3,516 pelajar bagi pengajian di luar negara antara 1995 dan 1997. Ia memperuntukkan RM444.7 juta bagi pembiayaan pembelajaran di dalam dan luar negara tahun lepas berbanding RM461 juta pada 1995.

Ditanya jumlah wang yang tidak dibayar balik itu, Mazlan berkata jumlah itu bukanlah beratus-ratus juta seperti yang dilaporkan media.

Katanya terdapat sesetengah pelajar yang tamat pengajian tetapi gagal melaporkan di mana mereka sekarang kepada JPA manakala terdapat sesetengah daripada mereka berhenti membuat bayaran apabila bertukar kerja.

"Terdapat juga mereka ... yang saya kira degil ... mereka tidak bayar langsung. Mereka tidak harus menyifatkannya sebagai NPL (pinjaman tidak berbayar)," kata Mazlan.

Katanya tindakan seperti itu hanya akan menghalang pelajar lain daripada mendapat pinjaman dan biasiswa kerana kerajaan kini mengurangkan peruntukan ekoran kegawatan ekonomi.

Beliau juga berkata bahawa JPA masih mengkaji untuk menentukan hari Sabtu yang mana satu dalam sebulan untuk diisytiharkan sebagai hari cuti. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 1999, mengumumkan bahawa bermula Januari tahun depan, kakitangan awam akan menikmati satu hari Sabtu sebagai hari cuti setiap bulan.

-- BERNAMA

AR RHM RON